



BALAI SENI NEGARA
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,
53200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-40267000 Fax : 03-40244998
pr.artgallery@1govuc.gov.my
www.artgallery.gov.my



SIARAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA

PAMERAN CHEEV: THE UNCONVENTIONAL SCULPTOR (Karya Seni Vong Nyam Chee (1955 - 2017))

3 MEI 2018, KUALA LUMPUR – BALAI SENI NEGARA sedang mengadakan Pameran bertajuk Cheev: *The Unconventional Sculptor* atau Cheev: Bukan Sebarang Pengukir (Karya Seni Vong Nyam Chee 1955-2017) bermula pada 21 April 2018 sehingga 30 Jun 2018. Pameran ini adalah hasil kerjasama di antara Balai Seni Negara dan Galeri G13 bagi mengenang mendiang Vong Nyam Chee. Dikenali sebagai Cheev, beliau merupakan seorang pengukir yang unik dalam menghasilkan daya kreatifnya sebagai pernyataan wawasan seni dan semangat hidup beliau.

Pameran ini mempersembahkan sebanyak 50 buah arca menarik yang diperbuat daripada kayu. Ia menampilkan karya-karya yang meliputi lukisan lama, lakaran komik dan lain-lain nukilan. Cheev turut mencipta bentuk-bentuk berlingkar yang menawan dan arca kecil dan besar yang dinamik dan 'hidup' serta luar biasa dengan menggunakan keping-keping kayu sekerap yang terbuang.

Pameran Cheev: *The Unconventional Sculptor* merupakan satu pengiktirafan yang penting terhadap kehebatan dan keunikan bakat istimewa golongan peseni yang tidak terlatih. Majlis Perasmian pameran ini diadakan pada 3 Mei 2018 dan akan dirasmikan oleh YBrs. Encik U-Wei Hj. Saari, Pengarah Filem Syarikat Tanah Licin Asia. Orang ramai adalah dijemput hadir.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara

En. Mohd Anuar Bin Abdul Aziz

T: +603-4026 7000

E: anuar@artgallery.gov.my

Annisa Mohd Noor

T:+603-4026 7049

E:annisa@artgallery.gov.my

Mengenai Balai Seni Negara, Kuala Lumpur.

Balai Seni Negara telah ditubuhkan pada tahun 1958 oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Balai Seni Negara adalah galeri seni yang terkenal dan tertua di Asia Tenggara, yang memegang koleksi seni moden di Asia Tenggara.

###

Unit Komunikasi Korporat
Balai Seni Negara
No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak
53200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998
pr.artgallery@1govuc.gov.my
www.artgallery.gov.my